

Tiada tempat bagi pengugut

BU 28 APR 1966

KUALA LUMPUR, Ahad — Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan, tidak ada tempat untuk pemimpin-pemimpin yang suka mengugut parti apabila kepentingan dan kemahuan mereka tidak dipenuhi.

Sikap ini, jika berlaku, akan menyebabkan parti dan bangsa Melayu hancur, katanya ketika merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kepong di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini pagi ini.

Perdana Menteri menegaskan dalam perjuangan politik negara ini, kepentingan nasional perlu diutamakan daripada kepentingan keaifan atau kaum untuk menjamin kejayaannya.

Ahli-ahli politik juga perlu berfikir secara waras dalam konteks nasional dan tidak terlalu ter-

Oleh NAZAR ABDUL

kongkong kepada perasaan atau emosi untuk mencapai cita-cita politik mereka.

Beliau berkata, dalam keadaan seperti ini, kerajaan perlu mengatur strategi, dengan mengambil perhitungan politik yang waras bagi menjamin kemenangan parti memerintah.

Katanya, walaupun Umno mempunyai semangat kebangsaan yang tinggi, ia dapat menerima hakikat perhitungan politik yang waras dan tepat dengan keadaan masyarakat berbilang kaum.

Mengagih-agih kuasa

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Umno juga sudah sanggup mengagih-agihkan kuasa dengan parti-parti lain untuk memerintah negara ini dengan adil dan saksama.

Menurutnya, Umno dengan kerjasama parti-parti lain berjuang untuk rakyat negara ini kerana orang Melayu sendiri adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia yang berbilang kaum.

"Kita tidak boleh berjuang semata-mata untuk satu

"Kita perlu mempunyai kerajaan yang kuat serta mempunyai majoriti yang besar bagi mentadbir dan melaksanakan dasar-dasar negara secara berkesan dan berjaya untuk semua rakyat," tegas Perdana Menteri.

Menurutnya, dalam menghadapi masalah negara, rakyat juga mesti mempunyai fikiran yang waras dan tidak didorong oleh emosi, bagi memastikan kejayaan rancangan pembangunan yang dibuat oleh kerajaan untuk rakyat.

Beliau berkata, semangat perpaduan yang kukuh antara rakyat berbilang kaum juga amat penting kerana dengan semangat itu, seperti yang wujud pada tahun 1946, rakyat dapat digerakkan ke arah mencapai matlamat yang dicita-citakan.

kaum sahaja tanpa mengambil kira kepentingan kaum-kaum lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, sokongan rakyat kepada pucuk pimpinan juga penting bagi memastikan mereka dibawa ke arah yang dicita-citakan.

Menurutnya, Umno mencapai kejayaan luar biasa hasil perpaduan setelah menyedari betapa hinanya bangsa ketika berada di bawah pentadbiran penjajah sebelum merdeka dulu.

"Jika kita ingat dan insaf akan nasib bangsa ketika di zaman penjajahan dulu, kita sudah pasti akan mengurangkan perjuangan untuk kepentingan diri sendiri," tegasnya.

Beliau juga mengingatkan ahli-ahli Umno supaya tidak membenarkan diri mereka dipengaruhi oleh pihak-pihak yang hanya mengutamakan kepentingan diri atau orang tertentu.

"Berjuanglah untuk kepentingan Umno dan bangsa, bukan untuk si polan ini atau si polan itu ataupun saya sendiri, kerana perjuangan Umno ialah untuk kepentingan bangsa Melayu dan seluruh rakyat Malaysia," tegasnya.

Beliau juga mengingatkan golongan yang suka mempersoalkan mengenai apa yang mereka dapat sejak negara mencapai kemerdekaan 30 tahun lalu, bahawa bangsa Melayu dan negara sudah mencapai kejayaan dalam pelbagai bidang hasil perjuangan Umno.

Keentingan bangsa

Menurutnya, hasil daripada perjuangan Umno itu juga, rakyat dan negara Malaysia kini menjadi bangsa dan negara yang dihormati serta bermaruah.

Mengenai pemilihan wakil rakyat, Perdana Menteri berkata, negara memerlukan wakil rakyat yang berkesan dan mempunyai hubungan baik dengan kerajaan.

Menurutnya, kerajaanlah yang menentukan layanan kepada rakyat, oleh itu yang penting ialah kemenangan parti dan bukan kemenangan seseorang wakil rakyat tertentu.